



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MORAL DALAM KUMPULAN CERPEN CERITA MONYET, ANJING, DAN POHON GINKGO BERDASARKAN PENDEKATAN MORAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORFAZILA BINTI ARON

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NILAI-NILAI MORAL DALAM KUMPULAN CERPEN CERITA MONYET,
ANJING, DAN POHON GINKGO BERDASARKAN
PENDEKATAN MORAL**

NORFAZILA BINTI ARON



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09/09/2025

i. Perakuan Pelajar

Saya, **NORFAZILA BINTI ARON (M20181000918) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **NILAI-NILAI MORAL DALAM KUMPULAN CERPEN CERITA MONYET, ANJING, DAN POHON GINKGO BERDASARKAN PENDEKATAN MORAL** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. GHAZALI BIN DIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **NILAI-NILAI MORAL DALAM KUMPULAN CERPEN CERITA MONYET, ANJING, DAN POHON GINKGO BERDASARKAN PENDEKATAN MORAL** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA KESUSASTERAAAN MELAYU**.

21/10/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **NILAI-NILAI MORAL DALAM KUMPULAN CERPEN
CERITA MONYET, ANJING, DAN POHON GINKGO
BERDASARKAN PENDEKATAN MORAL**

No. Matrik / Matric's No.: **M20181000918**
Saya / I : **NORFAZILA BINTI ARON**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/
Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of
Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official
Stamp)

PROF MADYA DR GHAZALI BIN DIN DR. PH.D.
Penyarah Kanan
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 21/10/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, dengan pebulh ucapan syukur dan berterima kasih kepada Allah S.W.T. Kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya pengkaji dapat membuat dan menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sebaik mungkin. Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses menyiapkan disertasi ini. Terima kasih yang tidak terhingga buat ibu dan suami tersayang dan juga seluruh keluarga. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat rakan-rakan yang membantu meskipun sibuk dengan pekerjaan masing-masing. Selain itu, rakaman penghargaan buat penyelia yang bertanggungjawab menyelia dan menyemak disertasi ini iaitu Profesor Madya Dr. Ghazali Bin Din yang banyak membimbing, memberi tunjuk ajar tanpa jemu, nasihat dan memberi peringatan dalam usaha untuk menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali pengkaji mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas sokongan, dorongan, nasihat, tunjuk ajar dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini. Berkat pertolongan dan keprihatinan dalam penat dan lelah menabur hasil yang tidak sia-sia dan memberi manfaat yang sangat bererti kepada pengkaji.

Sekian, terima kasih





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam karya Jasni Matlani, iaitu Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Gingko. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan kajian kepustakaan, serta teks dianalisis melalui analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan sepuluh nilai moral utama yang terdapat dalam cerita-cerita tersebut, termasuk tanggungjawab, kejujuran, belas kasihan, keberanian, dan toleransi. Nilai-nilai ini dikaji dengan teliti dalam naratif yang memberikan pengajaran mendalam tentang tingkah laku beretika dan pembangunan karakter watak. Kajian ini menekankan bagaimana tindakan dan perwatakan watak-watak berfungsi sebagai contoh teladan bagi nilai-nilai ini serta mendorong pembaca untuk menilai elemen moral di dalam teks tersebut. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa Kumpulan Cerpen Cerita Monyet Anjing dan Pohon Gingko adalah sebuah karya sastra yang kaya dengan nilai-nilai moral serta gaya penulisan yang kreatif melalui karya Jasni Matlani dalam penghasilan penulisan karya sastra. Implikasi kajian ini dapat membantu pembaca menghargai dan mengamalkan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian, serta menjadi rujukan berguna untuk penyelidik masa depan dalam bidang sastra dan pendidikan moral.





AN ANALYSIS OF MORAL VALUES IN THE SHORT STORY COLLECTION CERITA MONYET, ANJING DAN POHON GINGKO THROUGH A MORAL APPROACH

ABSTRACT

The objective of this study is to analyze the moral values contained in the literary work by Jasni Matlani, namely the short story collection *Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo*. This study employs a qualitative research method and library research, and the texts are analyzed using descriptive analysis. The findings reveal ten main moral values present in the stories, including responsibility, honesty, compassion, courage, and tolerance. These values are carefully examined within the narratives, which offer deep lessons on ethical behavior and character development. The study emphasizes how the actions and character traits of the protagonists serve as exemplary representations of these values and encourage readers to reflect on the moral elements within the texts. In conclusion, this study demonstrates that the short story collection *Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo* is a literary work rich in moral values, as well as creative writing style, as expressed through the literary craft of Jasni Matlani. The implications of this study may assist readers in appreciating and practicing moral values in their daily lives and serve as a valuable reference for future researchers in the fields of literature and moral education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Batasan Kajian	12
1.6.1 Pemilihan Pengarang	12
1.6.2 Pemilihan Bahan Teks	14
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.8 Definsi Istilah/ Definisi Operational	18
1.8.1 Nilai Moral	19

1.8.2	Cerpen	22
1.9	Kesimpulan	25
BAB 2 SOROTAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	27
2.2	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Kumpulan Cerpen	28
2.3	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Aspek Nilai moral	36
2.4	Kajian Berkaitan Pendekatan Moral	47
2.5	Kajian Berkaitan Karya Jasni Matlani	53
2.6	Kesimpulan	54
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Instrumen Kajian	60
3.4	Kaedah Kajian	60
3.4.1	Kaedah Kepustakaan	61
3.4.2	Kaedah Analisis Teks	61
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	62
3.5.1	Pembacaan Data	63
3.5.2	Pemilihan Data	64
3.5.3	Pembahagian Data	64
3.6	Pendekatan	65
3.7	Konsep dan Prinsip Pendekatan Moral	66
3.7.1	Prinsip Pendekatan Moral	71
3.8	Kerangka Teori	77
3.8.1	Aplikasi pendekatan Moral dalam kajian Kumpulan Cerpen Cerita Anjing, Monyet Dan Pohon Gingko	78
3.9	Kesimpulan	81

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Mengenal Pasti Nilai-Nilai Moral Yang Terdapat Dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo	83
4.2.1	Keadilan	83
4.2.2	Keberanian	84
4.2.3	Bertanggungjawab	85
4.2.4	Nilai Baik Hati	86
4.2.5	Nilai Kasih Sayang	87
4.2.6	Nilai Pengorbanan	88
4.2.7	Nilai Kebijaksanaan	88
4.2.8	Nilai Kesabaran	89
4.2.9	Nilai Hormat-Menghormati	90
4.2.10	Nilai Rasional	81
4.3	Menganalisis Nilai-Nilai Moral yang Terdapat dalam Kumpulan Cerita Cerpen Monyet, Anjing Dan Pohon Ginkgo	92
4.3.1	Nilai Keadilan	93
4.3.2	Keberanian	96
4.3.3	Bertanggungjawab	98
4.3.4	Baik Hati	101
4.3.5	Kasih Sayang	104
4.3.6	Pengorbanan	109
4.3.7	Kebijaksanaan	111
4.3.8	Kesabaran	113
4.3.9	Hormat- Menghormati	116



4.3.10	Nilai Rasional	119
4.4	Menjelaskan Hubungkait Perspektif Moral Dengan Nilai Moral Dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Gingko	124
4.4.1	Moral Yang Memuatkan Tema yang Berteraskan Didaktisme	124
4.4.2	Moral Yang Mementingkan Bahasa Yang Baik	134
4.4.3	Moral Yang Boleh Dilihat Melalui Watak Dan Perwatakan	143
4.4.4	Moral Yang Membawa Pengajaran dan Teladan ke arah Kebaikan kepada Pembaca	153
4.5	Kesimpulan	172
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	173
5.2	Perbincangan Kajian	174
5.3	Implikasi Kajian	182
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	186
5.5	Kesimpulan	189
RUJUKAN		191
LAMPIRAN		196



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Nilai moral dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Gingko	65
4.1	Senarai Nilai Keadilan	84
4.2	Senarai Nilai Keberanian	85
4.3	Senarai Nilai Bertanggungjawab	85
4.4	Senarai Nilai Baik Hati	86
4.5	Senarai Nilai Kasih Sayang	87
4.6	Senarai Nilai Pengorbanan	88
4.7	Senarai Nilai Kebijaksanaan	89
4.8	Senarai Nilai Kesabaran	90
4.9	Senarai Nilai Hormat- Menghormati	91
4.10	Senarai Nilai Rasional	92



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian dirangka berdasarkan Teori Moral	59
3.2	Kerangka Teori	78



SENARAI LAMPIRAN

- A Biodata Jasni Matlani
- B Karya Yang Ditulis Oleh Pengarang Jasni Matlani
- C Buku Kumpulan Cerpen Monyet, Anjing Dan Pohon Ginkgo





BAB 1

PENDAHULUAN



Genre cerpen merupakan salah satu genre kesusasteraan Melayu yang tidak lagi kedengaran asing dalam kalangan masyarakat Melayu. Cerpen atau Cerita pendek sering disebut adalah suatu bentuk bentuk prosa naratif diktif. Cerita pendek cenderung dalam isi cerita yang padat dan secara langsung kepada tujuan cerita dibandingkan dengan karya-karya fiksi yang lebih panjang seperti novella (dalam pengertian moden) dan novel. Pengertian cerita pendek bukan ditentukan oleh banyaknya halaman untuk mewujudkan cerita tersebut atau sedikitnya tokoh yang terdapat di dalam cerita itu. Namun begitu, disebabkan oleh ruang lingkup permasalahan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam bentuk karya sastera tersebut.





Dari segi sejarahnya, cerpen muncul pada abad ke-19 di Eropah bersamaan dengan kemunculan majalah. Lantaran itu, kepanjangan sesebuah cerita cerpen itu bergantung atau ditentukan oleh ketebalan majalah pada waktu itu. Di Malaysia, cerpen pertama diterbitkan pada tahun 1920 dalam majalah *Pengasuh* berjudul “kecelakaan pemalas” hasil karya Nor bin Ibrahim Madrasi (Othman Puteh, 2010:3). Sejak itu, munculnya penerbitan berkala dalam Bahasa Melayu yang pertama kali terbit di Malaysia pada 1876 iaitu Jawi Peranakan. Penerbitan karya dipercayai terdapat 64 buah daripadanya memuatkan cerpen. Oleh itu, karya cerpen sememangnya amat erat hubungannya dengan penerbitan akhbar dan majalah, malah dapat dikatakan cerpen adalah sastera akhbar dan majalah.

Cerpen juga merupakan satu bahan bacaan yang dapat membantu memudahkan pembaca membaca bahan dengan cepat dan pantas. Karya cerpen menawarkan suatu model yang menceritakan suatu peristiwa luar biasa yang pernah terjadi atau mungkin akan dialami oleh manusia melalui tokoh-tokoh cerita (Othman Puteh, 2001:24). Penciptaan karya cerpen sememangnya sentiasa bersangkutan paut dengan pemikiran penulis. Pada masa yang sama, pemikiran yang disumbangkan dalam penulisan merupakan idea bagi menggerakkan sesuatu cerita itu dengan jayanya.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih kumpulan cerpen yang bertajuk *Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Gingko* karya Jasni Matlani sebagai bahan kajian. Beliau adalah karyawan tersohor dalam dunia penulisan cerpen. Beliau mula berkarya pada tahun 1981 dan pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia. Sehingga kini beliau mempunyai 12 buku yang menghimpunkan cerpen-cerpen karya beliau. Beliau memegang jawatan sebagai Yang Dipertua Badan Bahasa dan Sastera Sabah





(BAHASA). Antara tajuk buku beliau ialah Tergantung Pada Kata, Cerita Kota Kami, Cerita Monyet, Anjing dan Ginkgo, Dongeng Perkebunan, Pembunuh Anarki, Perkembangan Puisi Berunsur Islam Sabah, Karya Kreatif Penulis Sabah dalam Kritikan, Laron, Panduan Menulis Cerpen, Pemburu Merpati, Hujan Putih, Burung Merak, Cerita Dialog Fauna

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa nilai moral ini amat penting diwujudkan dalam sesebuah cerita mahupun watak itu sendiri agar hasil penulisan pengarang lebih menunjukkan realiti kehidupan manusia sekali gus membina nilai dalam diri pembaca. Melalui kajian inilah pengkaji cuba mencungkil nilai-nilai moral dengan menggunakan pendekatan Moral yang menumpukan terhadap nilai murni, pengajaran serta impak kepada pembaca.



1.2 Latar Belakang

Latar belakang kajian merujuk kepada bahagian awal dalam sesebuah penulisan akademik (seperti tesis, artikel, atau kertas penyelidikan) yang menerangkan alasan dan konteks mengapa sesuatu kajian dijalankan. Ia menjadi asas penting yang menyokong keperluan atau kepentingan sesuatu penyelidikan dilakukan oleh pengkaji.

Kumpulan cerpen yang dikaji ini merupakan sebuah karya yang ditulis oleh seorang sasterwan yang telah menerima pelbagai anugerah. Beliau juga merupakan seorang penulis yang versatile, tetapi lebih cenderung kepada bidang penulisan cerpen. Sejak terlibat dalam bidang penulisan sehingga kini, beliau telah menghasilkan lebih





400 buah cerpen dan sebahagian besarnya dimuatkan di dalam lapan buah buku kumpulan cerpen yang telah diterbitkan. Buku kumpulan cerpennya yang terbaharu berjudul *Balqis dan Mimpi Jerussalem*. Selain daripada giat menulis cerpen, beliau juga menulis novel, puisi, esei kritikan, buku kajian dan buku biografi. Antara buku beliau yang diterbitkan dalam kategori berkenaan, ialah buku kumpulan puisi *Tergantung Pada Kata* (DBP:1996), *Buku Himpuan Teks Ucapan Gagasan Pembangunan* (PBBS:2000), dan buku esei kritikan sastera Sabah dalam kritikan (DBP:2008).

Salah satu anugerah yang dimenangi oleh beliau ialah melalui cerpen *Balqis* yang telah memenangi Hadiah Sastera DBP Maybank pada tahun 1996/1997 dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) bagi kategori puisi pada tahun 1996/1997 melalui puisi *Waktu Gerimis petang turun di Masjid Jamik*. Di sebabkan sumbangan dan kepakaran beliau dalam bidang sastera, maka DBP telah melantik beliau sebagai salah seorang Munsyi Sastera DBP pada tahun 2013.

Peranan dan sumbangan datuk Jasni dalam memajukan bidang sastera melayu khususnya dalam bidang penulisan kreatif di negeri Sabah khasnya dan di Malaysia amnya sangat berimpak. Sumbangan besar yang diberikan telah melayakkan dirinya dinobatkan sebagai Sasterawan Sabah Keempat pada tahun 2024. Sebelum itu, pada tahun 2015 beliau menerima anugerah SEA Write Award dari kerajaan Thailand dan pelbagai hadiah sastera di peringkat negeri dan negara. Selain aktif dalam dunia penulisan kreatif dan deskriptif, Jasni Matlani juga aktif dalam pelbagai kegiatan sastera di peringkat Asia Tenggara. Dalam kepimpinan persatuan, datuk Jasni Matlani merupakan Presiden Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) serta terpilih





menjabat jawatan Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur.

Kumpulan cerpen *Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Gingko* karya Jasni Matlani merupakan sebuah karya sastera kontemporari yang sarat dengan kritikan sosial, satira politik, dan persoalan pascakolonialisme. Cerpen-cerpen dalam koleksi ini membawa pembaca menelusuri pelbagai dimensi kehidupan termasuk isu penindasan, diskriminasi, penyesuaian identiti dalam persekitaran asing, serta hubungan kuasa antara Timur dan Barat.

Berdasarkan kejayaan penulis menyebabkan pengkaji memilih salah satu karya beliau untuk dijadikan bahan kajian. Pengkaji memilih Kumpulan Cerpen *Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko* sebagai bahan kajian kerana penulisan yang digunakan oleh beliau sangat kreatif dan unik. Hal ini sekali gus pengkaji memilih aspek moral disebabkan ingin memperlihatkan nilai-nilai moral yang wujud mampu menjadi teladan kepada pembaca dan juga masyarakat.

Pengarang menggunakan pendekatan simbolik dan alegori melalui watak-watak seperti monyet, anjing, dan pohon untuk menyampaikan realiti kehidupan masyarakat peribumi, terutamanya dalam konteks penjajahan pemikiran dan budaya. Di sebalik naratif satira dan sinis ini, wujud nilai-nilai moral yang kuat dan signifikan. Jasni Matlani juga turut menyelenggarakan berpuluh-puluh buah buku sama ada dalam genre cerpen, puisi, dan esei kritikan di sabah.





Kumpulan cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Gingko ini merupakan sebuah cerpen yang bersifat cambung atau dikenali cerpen yang bersambung-sambung antara satu sama lain. Setiap cerpen bergerak mengikut watak yang tersendiri untuk setiap cerpen bahkan penulis mengetengahkan idea iaitu aspek politik, sejarah, ekonomi serta keagamaan.

Selain itu, gaya penulisan dalam teks juga mempunyai konsep elemen yang tidak dapat dijelaskan dan sesuai dikategorikan sebagai karya realisme magis. Menurut Franz Roh (1925), realisme magis merupakan elemen magis dalam objek realiti kehidupan kita. Hal ini kerana berbeza daripada surealisme yang cenderung kepada aspek psikologi dan pemikiran manusia. Istilah "*magic realisme*" mengalami perubahan melalui zaman sehingga menjadi salah satu jenis gaya penulisan yang

dipelopori oleh penulis Amerika Selatan.

Seterusnya, kumpulan cerpen ini juga membawa medan kreativiti yang sarat dengan mesej tersurat dan tersirat. Ianya menampilkan pelbagai teknik yang ada kalanya bersifat eksperimen melalui pengalaman dan perjalanan yang luas. Melalui corak inilah pengkaji ingin melihat nilai murni yang digambarkan oleh penulis dengan lebih dekat lagi.

Di samping itu, penulis juga menggunakan teknik rangkaian cerita yang berpecah-pecah tetapi akhirnya bersatu semula dalam pengakhiran cerita. Melalui kumpulan cerpen ini, penulis mempamerkan dunia nyata, fantasi, dan sejarah melalui watak dan kawasan persekitarannya sekali gus membantu membentuk nilai moral dalam penceritaannya.





Bukan itu sahaja, pembaca juga memainkan peranan penting apabila penyampaian penulisan dalam sesebuah karya itu berkait rapat dengan dunia realiti. Menurut Kathryn Dennick- Brecht (2000: 38), menyatakan bahawa unsur budaya sangat berkaitan dengan pola tingkah laku dan pemikiran nilai murni dalam sesuatu kelompok masyarakat. Pemikiran dalam masyarakat ini akan mendorong kepada perubahan demi perubahan yang berlaku dalam institusi masyarakat tersebut.

Kajian ini menitikberatkan nilai-nilai moral yang disampaikan oleh pengarang melalui prinsip-prinsip pendekatan Moral. Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui sejauh mana hubungkait perspektif moral dapat mengembangkan nilai-nilai moral berdasarkan pendekatan moral Seajar dengan itu, kajian ini menganalisis nilai-nilai moral mengikut jalan sesebuah cerita yang dibina oleh pengarang dan menjelaskan perspektif moral dalam mendidik pemikiran pembaca. Maka kajian ini dijalankan dengan menggunakan kumpulan cerpen yang dipilih oleh penyelidik untuk mengetahui sejauh mana nilai moral ini dapat membentuk peribadi pembaca serta penulis itu sendiri. Penyelidik telah menggunakan pendekatan Moral untuk membantu mengenal pasti aspek-aspek yang menggambarkan nilai-nilai moral ini menerusi watak dan jalan cerita dalam penulisan Kumpulan Cerpen Cerita Monyet Anjing Dan Pohon Gingko.

Secara tuntasnya, kajian mengenai nilai moral berdasarkan pendekatan moral dapat membongkar isu perubahan dalam masyarakat tersebut yang merangkumi banyak bidang lebih-lebih lagi nilai murni. Sementelahan itu, kajian ini dilaksanakan kerana penulis menggunakan beberapa teknik penulisan salah satunya unsur satira dan real magis. Berdasarkan teknik inilah yang menyebabkan pengkaji memilih kumpulan





Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko karya Jasni Matlani bagi mencungkil nilai moral itu dengan menggunakan pendekatan Moral.

Namun begitu, meskipun nilai moral merupakan salah satu teras utama dalam karya sastra, ia sering terlepas pandang dalam kajian yang lebih menumpukan pada aspek ideologi dan politik. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengangkat semula kefahaman tentang bagaimana nilai moral diterapkan dan bagaimana ia memberi kesan kepada pembentukan mesej dan tema cerpen itu sendiri.

1.3 Penyataan Masalah

Pernyataan masalah kajian ialah bahagian penting dalam sesuatu kajian ilmiah yang menjelaskan isu atau persoalan utama yang mendorong kajian itu dijalankan.

Kajian ini dilakukan adalah untuk meneliti nilai moral yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Gingko berdasarkan pendekatan moral. Persoalan berkaitan nilai ini sering kali digunakan dalam penerbitan karya-karya sastra seperti novel dan cerpen sememangnya sangat menarik untuk dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemikiran merupakan tunggak utama bagi mempamerkan personaliti pengarang dalam menyampaikan perjuangan mereka menerusi hasil seninya (Mohd Yusof Hasan, 2012: 17). Melalui pemikiran penulis itulah yang menerbitkan nilai-nilai moral dalam karya yang dihasilkan.





Masalah yang sering diperkatakan dalam pembacaan cerpen adalah mengenai analisis sastera dari sudut didaktis. Sudut didaktis dalam karya semakin hari semakin kurang difahami oleh pembaca kerana didaktis ini membantu pembaca ke arah kebaikan dan membawa pembaca berfikir mengikut tujuan yang betul. Hal ini boleh dilihat melalui karya Jasni Matlani di mana pemikiran beliau lebih penggunaan aspek pemikiran estetika budaya dan perjuangan agama yang semakin kurang popular di Malaysia khususnya di Sabah.

Selain itu, unsur penulisan yang kreatif menjadikan pengkaji ingin mengkaji lebih dalam lagi karya Jasni Matlani. Nyoman Kutha Ratna (2007) menyatakan estetika sastera biasanya berkaitan dengan bahasa sebagai sistem simbol. Hakikatnya, karya sastera itu sendiri sebagai hasil kreativiti bersulamkan imaginasi. Aspek estetika ini juga selalu menimbulkan pertanyaan yang sukar dijawab tentang sesuatu keindahan itu, misalnya di manakah letaknya keindahan dan apakah yang membezakan antara yang indah dengan karya yang tidak indah? Perkara ini menyebabkan, pembaca tidak berminat untuk membaca dan memahami cerpen yang dihasilkan oleh para pengarang sekali gus menyukarkan pembaca untuk memahami nilai moral yang wujud dalam cerita tersebut.

Seterusnya, sesetengah karya cerpen tidak mengetengahkan unsur pemikiran yang baharu dan universal. Hal ini kerana, para penulis kurang mempamerkan pemikiran berkaitan dengan sejarah luar negara yang melibatkan secara globalisasi atau corak kehidupan diluar negara. Kebanyakan penulis lebih mengetengahkan tentang kekeluargaan, persahabatan, kemiskinan dan kasih sayang terhadap haiwan dan sesama manusia. Namun, penulis mengaitkan isu politik, keagamaan serta budaya dalam





penghasilan karyanya. Oleh itu, idea penulis yang terdapat dalam cerpen ini mampu menerapkan nilai moral yang bersifat universal bagi pembaca. Hal ini memberikan gambaran serta pengetahuan am kepada pembaca mengenai dunia luar dalam mencungkil nilai-nilai moral berdasarkan pendekatan moral. Melalui penulisan ini nilai-nilai dalam karya semakin kurang diserlahkan kerana hanya menitikberatkan corak pengalaman serta sosiologi dalam kehidupan masyarakat.

Selain daripada itu, pembaca masa kini semakin kurang untuk merungkai unsur nilai dalam sesebuah karya lebih-lebih lagi terhadap penulisan karya yang lebih kepada penulisan unsur magis. Bahkan penyampaian mesej juga kurang jelas dan menyebabkan pembaca tertanya-tanya maksud yang disampaikan oleh penulis kepada pembaca.



Masalah yang dihadapi juga apabila penulis menggunakan pendekatan satira iaitu konsep yang mengkritik sosial menggunakan perlambangan dalam memberi kesan moral kepada pembaca untuk pendekatan oleh pengarang kepada pembaca. Hal ini menjadikan penyampaian cerita menjadi berjela-jela kerana kesinambungan daripada cerita kepada cerita yang baharu. Pada masa yang sama, tidak ramai pengkaji di negara ini mengarang yang menampilkan nilai-nilai moral menggunakan pendekatan satira. Salah satu contoh yang menggunakan pendekatan satira ini sangat sedikit antaranya novel Tikus Rahmat oleh Hassan Ibrahim (1963) dan Yahya Ismail iaitu Maharaja Beruk(1988). Perkembangan pendekatan satiralah ini yang telah mendorong penyelidik untuk melihat nilai moral yang diwujudkan dalam karya penulis ini.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian lebih tertumpu kepada sebab-sebab sesuatu tajuk dipilih oleh seseorang pengkaji, atau dengan erti kata lain ialah matlamat terhadap sesebuah kajian yang dijalankan. Berdasarkan perkara ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan yang lebih mendalam tentang nilai moral dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Ginkgo Berdasarkan Pendekatan Moral. Berikut merupakan beberapa objektif kajian ini dijalankan:

- i. Mengetahui nilai-nilai moral yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo.
- ii. Menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo berdasarkan pendekatan Moral.
- iii. Menjelaskan hubungkait perspektif moral dengan nilai-nilai moral dalam Kumpulan Cerpen Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo

1.5 Persoalan Kajian

Soalan kajian ini dilakukan kerana menjadi salah satu petunjuk melalui objektif kajian pengkaji. Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan kajian ini juga mempunyai tiga persoalan untuk mengupas segala isu yang ingin dikaji oleh pengkaji. Berikut merupakan beberapa soalan kajian yang dijalankan:



- i. Apakah nilai-nilai moral yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo?
- ii. Bagaimanakah nilai-nilai moral yang terkandung dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo berdasarkan pendekatan Moral?
- iii. Bagaimanakah perspektif moral dapat dihubungkan dengan nilai moral dalam Kumpulan Cerpen Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo?

1.6 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, dua aspek penting telah dikenal pasti untuk dijadikan asas dalam batasan kajian. Berikut adalah dua aspek penting dalam batasan kajian ini

1.6.1 Pemilihan Pengarang

Kajian ini memberi tumpuan kepada seorang pengarang kreatif di mana beliau telah pun mengungguli dalam bidang penulisan kesusasteraan melayu ini iaitu Datuk Jasni Matlani. Datuk Jasni Matlani telah memulakan karyanya dengan penulisan puisi pada tahun 1981 lagi. Tambahan pula, beliau bukan sahaja mencipta genre puisi namun turut mengarang dalam genre prosa moden. Melalui penulisannya, penyelidik telah memilih salah sebuah kumpulan cerpen beliau untuk dijadikan sebagai bahan kajian kerana pencapaian beliau yang sangat membanggakan dalam dunia penulisan prosa moden ini.



Bagi menjelaskan kajian ini menjadi lebih teliti mengikut kajian penyelidik, kajian ini memilih pengarang Jasni Matlani. Jasni Matlani adalah subjek kajian yang dianggap tepat dan rasional dalam membantu kajian ini memandangkan kajian ini berkaitan dengan karya beliau itu sendiri. Malahan bukan itu sahaja, beliau juga merupakan seorang sasterawan yang sangat disegani dalam dunia sastera melayu di Malaysia. Pengkaji memilih Jasni Matlani kerana beliau merupakan salah seorang penulis anak kelahiran jati daripada negeri Sabah di bawah bayu. Bahkan, pemilihan ini juga dibuat berdasarkan anugerah-anugerah yang telah diperolehi oleh beliau.

Karya pertama yang beliau disiarkan di akhbar Sabah Times pada tahun 1982. Karya ini bertajuk *perpisahan* membawa persoalan kekeluargaan. Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih daripada 500 buah puisi hamper 70 buah esei/ kritikan sastera dan 15 buah cerpen. Kebanyakan karya tersebut disiarkan dalam pelbagai media massa tempatan dan nasional seperti *Dewan Sastera*, *Berita Minggu*, *Harian Ekspres*, *Sabah Times*, *Borneo Mail*, *Borneo Post* dan *Wadah*. Selain itu, karya beliau juga termuat di dalam beberapa antologi puisi bersama iaitu *Kun*, *Ujana Laut Ujana Hati*, *Titian Rindu*, *Nyanyi Dari desa*, *Luka Bosnia*, *Al-Kahfi*, *Temu Puisi Kuala Lumpur*, *Kiswah Rindu*, *Rindu Ilahi* dan beberapa antologi puisi lagi. Antologi puisi solo berjudul *Kabus*. Manakala antologi cerpennya pula bertajuk *Dunia Iris*.

Seterusnya, pencapaian beliau juga sememangnya sangat cemerlang kerana beliau telah memenangi pelbagai anugerah sehingga ke prestij dunia. Salah satu anugerah yang dimenangi oleh beliau adalah penerima anugerah Sea Write pada tahun 2015. Malahan beliau juga turut dinobatkan sebagai penerima anugerah Sasterawan Sabah pada tahun 2019.





Pengkaji juga memilih beliau kerana idea pemikiran beliau yang sangat unik dan menarik malahan konsep penggunaan yang digunakan sering kali membuka mata pembaca melalui sejarah serta kaitannya dengan masa kini. Perubahan itu berlaku telah menyebabkan pengkaji ingin mengkaji nilai moral menerusi penulisan beliau dalam menyampaikan mesej bermoral itu kepada pembaca secara terus dan berkias. Penyelidikan ini mampu memberikan kajian yang berbeza mengikut sudut moral selain gaya penulisan seseorang pengkarya itu.

1.6.2 Pemilihan Bahan Teks

Kumpulan cerpen yang dikaji ini merupakan sebuah karya yang ditulis oleh seorang sasterawan yang telah menerima pelbagai anugerah dan anugerah yang tertinggi adalah anugerah Sea Write Awards yang telah di anugerahkan kepada Jasni Matlani pada tahun 2015. Pemikiran perlu dicorakkan dalam sesebuah penulisan kerana dengan adanya sentuhan kekreatifan ini akan menaikkan lagi semangat pembaca untuk membaca sesebuah karya tersebut. Lantaran daripada itu, kekreatifan sesebuah karya inilah yang menjadi punca wujudnya sebuah sastera itu. Kesusasteraan turut mempunyai nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuisi, harapan, emosi dan lain-lain jenis unsur jiwa. Unsur kehalusan baik daripada sudut bentuk, isi, dan maknanya merupakan sifat utamanya yang membezakan daripada karya-karya tertulis yang barangkali bercorak deskriptif dan informatif semata-mata.

Kumpulan cerpen ini merupakan sentuhan imaginatif Jasni Matlani dalam bermain dengan medan kreativiti yang sarat dengan mesej tersurat dan tersirat. Ianya





menampilkan pelbagai teknik yang ada kalanya bersifat eksperimen melalui penggulatan pengalaman dan perjalanan yang luas. Melalui corak penulisan inilah yang menyebabkan pengkaji ingin mengkaji berkaitan nilai moral berdasarkan pendekatan moral untuk mencungkil mesej yang mendalam dan memberikan kesan kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, nilai moral ini memainkan peranan bagi mencerminkan diri masyarakat itu sendiri.

Selain itu, pemilihan ini juga dipilih berdasarkan penggunaan bahasa yang baik, indah dan mengandungi pemikiran tinggi dari sudut membina peradaban manusia. Aspek pemilihan kata, laras bahasa dan gaya bahasa juga perlu diteliti untuk melihat penggarapan penulis dalam mewujudkan moral dalam kalangan masyarakat.



akhirnya bersatu dalam bentuknya. Selain itu, dalam teks ini juga turut mewujudkan dunia nyata, fantasi, fakta, dan sejarah melalui watak yang menyelurui persekitarannya. Bahkan, watak-watak yang berdialog bermain dengan peristiwa, latar, dan mesej. Akhirnya, membawa pembaca membentuk keperibadian unggul berdasarkan nilai yang wujud dalam bahan kajian tersebut.

Kajian ini akan menumpukan kepada 20 buah cerpen yang dihasilkan oleh Jasni Matlani dan terdapat dalam kumpulan cerpen yang berjudul *Cerita Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo*. Sebahagian cerpen ini juga pernah tersiar dalam surat khabar dan majalah seperti *Mingguan Malaysia*, *Utusan Borneo* dan *Dewan Sastera*. Teks ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM), Kuala Lumpur.





Antara cerpen yang dikaji adalah Mencari Kaki Langit, Cerita Monyet Dan Anjing, Cerita Cinta Di Bawah Pohon Gingko, Perempuan Dan Burung Nazar, Cerita Sebuah Peti, Burung Merak Yang Datang Dari Masa Silam, Mencari Khaled, Bertemu Salwa Di Pitt Street, Musliyati, Sebutir Pasir, Namaku Mariah, Pemburu Merpati, Sepanjang Jalan Ke Brastagi, Cerita Di Bawah Pohon, Mahmud Dani, Sebuah Rumah Dan Sebatang Pohon, Alif Ba Ta, Sebuah Cerita Cinta, Pohon Berbau Harum, dan Kota Kaca.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai keistimewaannya yang tersendiri seperti beberapa kajian lain yang pernah dilakukan. Terdapat beberapa kepentingan kajian antaranya adalah:-

Kajian yang dijalankan ini memberikan kepentingan terhadap pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang penulisan Jasni Matlani khususnya idea yang dilontarkan dalam hasil pengkaryaan beliau. Melalui kajian ini, pengkaji akan lebih mengetahui lagi serba sedikit mengenai era penulisan beliau. Diharapkan juga kajian ini dapat memenuhi ruang kosong yang terdapat dalam kajian pemikiran pengarang hasil penyelidikan lepas.

Kajian ini juga dijalankan supaya masyarakat dapat melihat atau mengetahui sebab sesuatu cerpen itu dihasilkan. Setiap cerpen yang ditulis oleh penulis karya mempunyai sebab dan rasionalnya yang tersendiri dalam membentuk peribadi serta





kehidupan setiap masyarakat. Kennedy, X.J, dan Dana Gioia (1995) berpendapat pengarang itu penting kerana berada dalam ruang dan masa bagi menyatakan tentang masyarakatnya. Pemikiran kreatif yang digarap ini menempatkan penyampaian yang membawa maksud lebih teratur dan dapat membantu pengkaji untuk menyusun lebih berstruktur.

Selain itu, kajian ini menjadi salah satu contoh atau tatapan pelajar yang ingin menelurusi tentang nilai-nilai moral yang terkandung dalam kumpulan cerpen ini. Kajian ini penting dalam mendedahkan nilai-nilai moral yang perlu diamalkan dalam kehidupan pembaca mahupun penulis sebagai alat untuk mendidik. Di samping itu, kajian ini akan membongkarkan nilai tersirat dan tersembunyi yang terdapat dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Ginkgo tersebut sama ada bertujuan untuk menasihati, menegur, menyindir, mengingatkan dan menghiburkan pembacanya.

Seterusnya, hasil kajian ini juga akan menjadi dokumentasi kepada universiti serta rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang supaya ingatan kepada sumbangan tokoh pengkarya ini tidak kunjung padam dan lenyap di telan zaman. Kajian ini juga penting untuk mengembangkan dan menyebarkan bahawa nilai moral dalam penulisan kreativiti penulisan sangat penting dalam penghasilan karya yang baik serta bermutu. Seterusnya, diharapkan akan mewujudkan penulis-penulis yang berdedikasi dalam penyampaian olahan sesebuah karya itu dengan berguna.

Penyelidikan ini juga penting sebagai panduan penyelidik lain untuk menjadi isu perbincangan dalam masyarakat pembaca yang kurang arif dalam menilai sesebuah





nilai moral pengarang dalam sesebuah karya. Kefahaman mengenai pemikiran pengarang dengan teori yang sesuai penting diketahui oleh pengarang agar mereka dapat menyambung warisan memartabatkan mutu karya sastera.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian ini dapat dilihat nilai moral mampu membentuk perubahan dalam mendidik diri pembaca. Bahkan menggunakan teknik penulisan yang kreatif dalam penulisan telah menjadi salah satu sebab kajian ini dijalankan oleh pengkaji. Hasil pengkajian dalam bidang Kesusasteraan Melayu bagi merungkai isu nilai dalam kepengarangan cerpen. Kajian ini juga penting untuk membantu pembaca mengumpul sebanyak mungkin informasi penting mengenai gaya penulisan kelahiran anak negeri dibawah bayu itu sendiri.



1.8 Definsi Istilah/ Definisi Operational

Dalam kajian ini, terdapat beberapa kata atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Oleh itu, pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca memahami setiap istilah tersebut. Kegiatan memberi definisi kepada istilah dan konsep adalah berdasarkan tajuk kajian, iaitu “Nilai-nilai moral dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo berdasarkan pendekatan moral”. Penghuraian definisi konsep yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan kajian atas pernyataan masalah berdasarkan tajuk kajian yang telah dipilih.





1.8.1 Nilai Moral

Kamus dewan (1989,864) menyebutkan nilai adalah darjat, kualiti, mutu, taraf, sifat ketinggian pemikiran agama, kemasyarakatan dan lain-lain. Manakal kamus umum bahasa indonesia (1889,976) pula menyatakan bahawa nilai adalah sifat-sifat atau hal-hal yang penting atau berguna bagi kemanusiaan.

Nilai sememangnya sinonim dengan kemanusiaan, iaitu seakan-akan tidak dapat dipisahkan apabila membicarakan aspek kemurnian dalam kehidupan. Kamus dewan edisi keempat cetakan ketiga (2010:1081) mendefinisikan nilai sebagai satu konsep taksiran harga, kadar, nisbah, darjat, kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan). Menurut Nyia See Keng (2004:18) konsep nilai

dapat digarap dalam pelbagai aspek iaitu :-

- a. Nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri seseorang
- b. Nilai yang berkaitan dengan diri dan keluarga
- c. Nilai yang berkaitan dengan diri dan masyarakat serta bangsa
- d. Nilai yang berkaitan dengan diri dan alam sekitar
- e. Nilai yang berkaitan dengan diri dan negara.

Setiap individu mempunyai tafsirannya yang tersendiri mengenai konsep nilai lalu membentuk satu sistem nilainya berdasarkan kepercayaan, pendapat, buah fikiran yang bernas dan ikhlas. Sharifah alwiah alsagoff (1986:74) berpendapat nilai ialah idea-idea yang dikongsi oleh masyarakat tentang apa-apa yang baik, betul dan harus dicontohi. Kebanyakan karya sastera memiliki pelbagai ilmu, nilai dan unsur didaktik.





Nilai-nilai moral yang tersirat pula diterapkan dalam karya sastera untuk tatapan masyarakat yang membacanya. Karya sastera seperti ciptaan Jasni Matlani juga tidak ketinggalan dalam menampilkan nilai-nilai moral yang bertujuan untuk membuka fikiran serta mendidik masyarakat.

Berdasarkan hujah-hujah para pengkaji, jelaslah bahawa nilai-nilai moral ialah satu perspektif asas dalam mencipta peradaban manusia serta peraturan yang akan menjadi dasar kepada sistem dan kerukunan hidup manusia sejagat. Nilai-nilai moral yang tersirat dalam karya sastera seperti cerpen dapat diterapkan dalam diri masyarakat yang membaca hasil karya sastera tersebut. Pantulan daripada nilai-nilai moral yang tersirat itulah mampu memberi harapan untuk membentuk satu nilai yang positif dalam peradaban diri masyarakat.



Nilai pada dasarnya merupakan satu aspek yang subjektif. Hal ini kerana manusia akan memberikan darjah nilai yang berbeza-beza kepada sesuatu perkara yang dipertimbangkan. Hal ini bergantung kepada sejauh mana keberkesanan penerapan ilmu yang diperolehi dan dimanfaatkan. Kebiasaannya, manusia memantapkan nilai baik atau berguna kepada perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan dan kesejahteraan. Manakala, nilai buruk ditujukan kepada perkara yang mendatangkan kemudaratan yang mengganggu kesejahteraan.

Kamus sastera melayu (2001), menyatakan bahawa nilai adalah sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang dilakukan oleh manusia sama ada digemari atau dibenci. Perkataan nilai itu juga merupakan kaitan antara perasaan dalaman yang dipertontonkan dengan tingkah laku dan perbuatan seseorang. Malah, idea tentang





kepercayaan, faedah dan mutu dan pelbagai lagi keadaan yang berlaku dalam alam ini juga lahir daripada nilai yang terdapat dalam diri seseorang. Justeru, manusia akan meletakkan sesuatu nilai kepada segala apa yang dialaminya.

Kamarulzaman Abdullah (2001), mendefinisikan nilai murni sebagai tingkah laku, perbuatan atau gerak laku yang menjurus kepada kebaikan dan dapat dijadikan teladan. Nilai murni ini juga merupakan nilai moral yang bersifat sejagat atau universal. Nilai yang bertentangan dengan nilai murni pula dikatakan sebagai nilai negatif atau nilai buruk. Buku komponen kesusasteraan melayu (2001) pula mendefinisikan nilai murni sebagai kebaikan yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karyanya dengan menimbulkan pelbagai bentuk perlakuan yang berkaitan dengan nilai, sama ada positif atau negatif untuk dijadikan pengajaran dan panduan kepada para pembaca.



Pengertian moral dapat dilihat berdasarkan tiga pandangan utama iaitu, Latin, Islam dan Greek yang mempunyai pandangan dan pengertian yang tersendiri mengenai perkataan yang disebut sebagai 'moral'. Kata moral berasal daripada perkataan latin, iaitu *moralis* yang bermaksud tingkah laku yang sesuai dengan tatasusila sesebuah masyarakat. Moral meliputi sifat-sifat luhur seperti baik hati, belas kasihan, tolong menolong, berani, adil, berkasih sayang dan lain-lain (N. Rajendran dan Ee Ah Meng, 1994:4).

Terdapat satu lagi istilah yang mempunyai makna yang sama dengan moral ialah etika yang berasal daripada perkataan Greek, iaitu *Ethos* yang bermaksud adat atau cara hidup. Etika juga bermaksud satu set peraturan tingkah laku manusia di dalam masyarakat. Etika boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu jenis etika dan etika





mataetika (N. Rajendran dan Ee Ah Meng,1994:13). Walaupun akhlak dan etika mempunyai makna yang sama dengan moral dan kadangkala kita menggunakan dalam konteks yang sama, tetapi dalam konteks hari ini, perkataan moral merujuk kepada tingkah laku seseorang. Manakala, etika pula bermaksud kajian mengenai tingkah laku moral. Selain itu, seseorang dianggap bermoral sekiranya dia membataskan keinginan untuk melakukan kesalahan. Istilah moral juga merujuk kepada peraturan-peraturan yang diterima secara rasional. Tingkah laku yang berdasarkan kepada pertimbangan yang baik dan buruk adalah suatu tindakan yang bermoral.

Kegiatan bermoral pula bermaksud kegiatan yang selaras dengan nilai dan norma yang menjadi amalan masyarakat sejagat, manakala kegiatan tidak bermoral ialah kegiatan yang bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat setempat.

Mayarakat barat misalnya yang mengamalkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tidak menimbulkan konotasi, sebaliknya masyarakat timur melihatnya sebagai kegiatan yang tidak bermoral dan berruarah. Hal ini berkait rapat dengan pandangan dan cara hidup masyarakat setempat.

1.8.2 Cerpen

Cerpen merupakan sebuah genre sastera yang sangat digemari oleh pembaca kerana jalan cerita yang pendek. Cerpen merupakan akronim daripada frasa cerita pendek. Cerpen juga sering didefinisikan sebagai cerita rekaan yang pendek dan dihasilkan dalam bentuk prosa moden. Cerpen ialah sastera moden yang popular sejak abad ke-





19. Sesuatu cerpen lazimnya mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat kerana ia mempunyai tema, watak serta konfliknya yang tersendiri.

Di Malaysia, menurut Othman Puteh (2002) wadah penyiaran cerpen ialah media cetak dalam bentuk surat khabar, majalah, dan buku. Justeru, ukuran pendek panjang sebuah cerpen sering tertakluk kepada surat khabar dan majalah di tanah air yang rata-rata tipis, ruangnya terhad dan tidak memungkinkan pengarangnya menghasilkan cereka cerpen yang realtif panjang. Genre cerpen sebagai cereka prosa dapat dibahagikan kepada tiga kategori yang utama, iaitu cerpen (2000-5000): cerpendek (250-1500/2000 perkataan), dan cerpan (lebih daripada 5000 perkataan). Sesebuah cerpen yang baik tidak berkembang secara horizontal kerana ia menjemukan atau membosankan, mendatar sahaja tanpa sebarang konflik. Justeru, cerpen seharusnya berkembang dengan lakaran grafik turun naik, ada konflik, klimaks dan peleraianya. Malah, cerita juga harus digandingkan dengan gaya atau teknik yang tertentu bagi memberi kesan kesatuan kepada emosi dan pemikiran pembacanya.

Selain itu, sesebuah cerpen juga membawa mesejnya yang tersendiri dan ditujukan kepada sasaran atau kumpulan tertentu bahkan turut juga menjadi alat yang memberi peluang untuk menyedari bagi membetulkan kesilapan lalu.

The short story emerged as a new literacy genre in the last few decades of the nineteenth century and from that day it has shown a more surprising and steady development than any other literacy form. (Dhandayutham, R. 1972-73:4)

Berdasarkan pernyataan di atas menjelaskan bahawa cerpen muncul sebagai genre baru dalam lingkungan dekad terakhir pada abad ke -19 dan semenjak daripada





itu telah menunjukkan perkembangan yang lebih mantap dalam dunia sastera. Jalan cerita dalam sebuah genre cerpen biasanya kesudahannya berlaku secara mendadak dan terbuka serta mengandungi pesanan moral ataupun pengajaran untuk dijadikan teladan kepada pembaca.

Agilan (2002) dalam (Mohana A/P Munusamy (2018) menyatakan bahawa cerpen mempunyai batasan berdasarkan kejadian yang dimuatkan dalam sesebuah cerpen. Beliau menyatakan bahawa cerpen harus bersifat mengetengahkan satu kejadian, satu masalah kehidupan ataupun menceritakan perwatakan satu karektor dalam sesebuah cerpen.

Seterusnya, Puthumai Pitthan dalam artikel “*Kathaikal*” (dalam (Mohana A/P Munusamy, 35: 2018) menyatakan cerpen ialah sebuah bentuk sastera orang Barat. Hal ini kerana, isi cerita sahaja mestu digunakan dalam sesebuah cerpen. Bilangan muka surat cerita tiada had penggunaannya apabila memberi pengertian kepada cerpen. Puthumai Pitthan menyifatkan cerpen sebagai ‘*Va:lkaiyin Ciriya Ca:larangkal*’ yang membawa maksud tingkap kecil yang mengisahkan kehidupan.

Di samping itu, mengikut Arena Wati (1969) dalam (Mohana A/P Munusamy (2018), pengarang Amerika mengertikan cerpen sebagai penghidang sesuatu keadaan yang memberi kesan pada jiwa pembaca. Cerpen mempunyai sifat yang singkat dan lengkap ini kerana, cerpen membawa kisah yang singkat dan hanya menceritakan sesuatu sudut kehidupan, namun mempunyai suatu sifat yang lengkap. Sifat yang lengkap itu ialah tema, plot, watak dan latar. Selain itu, seorang sarjana Barat iaitu L.A.G Strong mengertikan cerpen sebagai sesuatu yang singkat dan lengkap.





Selain itu, cerpen juga terdiri daripada satu plot sahaja, tiada subplot atau plot sampingan seperti yang terdapat dalam novel. Jumlah watak dalam cerpen juga turut terhad, dan biasanya hanya satu atau dua watak yang diberikan peranan sebagai protagonist atau antagonis untuk menggerakkan cerita. Manakala, latar cerpen juga sangat singkat, terhad dan ruang cakupannya tidak luas. Cerpen juga mampu mengisi masa lapang seseorang pembaca, namun amatlah bergantung kepada tujuan dan sasaram yang diinginkan oleh pencetusnya.

Cerpen adalah kurang kompleks berbanding dengan novel. Ini kerana, kesudahan sesuatu cerpen biasanya mendadak dan terbuka serta mengandungi pesanan moral atau pengajaran. Cerpen juga dikatakan berasal daripada cerita lucu berprosa, keadaan yang dilakar dengan cepat sehingga sampai kemucaknya serta selari dengan tradisi penceritaan lisan. Berdasarkan pendapat Hashim Awang (1981) menyatakan cerpen ialah bentuk cereka pendek yang membawa satu persoalan utama untuk menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Cerpen mengandungi ciri-ciri seperti sebuah cerita atau kisah yang berbentuk prosa untuk menonjolkan sesuatu peristiwa dengan lebih terperinci.

1.9 Kesimpulan

Pengkaji telah membincangkan dengan terperinci mengenai aspek-aspek penting yang diberi perhatian sebelum kajian dijalankan dengan lebih mendalam. Antara aspek yang menjadi kajian pengkaji dalam bab ini adalah kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, dan batasan kajian. Dengan adanya kesemua aspek ini akan menjadi





garis panduan utama kepada pengkaji untuk menentukan arus dan tujuan kajian ini supaya tidak lari daripada tujuan sebenar kajian.

Selain menjadi garis panduan kepada pengkaji, bab ini juga amat berguna untuk pengkaji mengetahui perkara sebenarnya yang ingin dikemukakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, perbincangan yang dalam bab ini terutama bahagian pernyataan masalah dan kepentingan kajian telah memberi gambaran awal kepada pengkaji bahawa kajian ini sangat penting untuk diteruskan.

